


SPEDOS

Sistem Pendaftaran Penghantar Dokumen Setem (SPEDOS)

Dokumen Setem (SPEDOS) adalah salah satu modul dalam Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) untuk menyimpan jejak setiap dokumen yang dibawa oleh penghantar dokumen (*runner*).



Sistem berkonsepkan *web based* ini menguruskan pendaftaran penghantar dokumen, menyimpan senarai lengkap maklumat penghantar dokumen dan mengenal pasti ejen/firma guaman/syarikat yang diwakili oleh setiap penghantar dokumen yang berurusan dengan kaunter duti setem Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).



Ibu Pejabat Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia
Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai
Menara Hasil, Aras 12
Persiaran Rimba Permai Cyber 8,
6300 Cyberjaya, Selangor.

Telefon: 03-8313 8888
Faks: 03-8313 7855
E-mel: stamps@hasil.gov.my

SPEDOS

*Sistem
Pendaftaran
Penghantar
Dokumen
Setem*



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



Objektif SPEDOS

- Memantau Penghantar Dokumen (*runner*) yang sering kali dikaitkan dengan kes-kes pemalsuan dan penipuan berkaitan penyeteman dan pembayaran duti setem
- Melindungi kepentingan ejen/firma guaman/syarikat yang menggunakan khidmat ‘*runner*’ dalam urusan penyeteman agar dokumen yang dibawa tidak bertukar tangan dengan sewenang-wenangnya antara pihak yang tidak bertanggungjawab.
- Sekiranya dokumen dihantar oleh individu yang tidak mewakili mana-mana ejen/firma guaman/syarikat, penghantar dokumen ini akan didaftarkan sebagai individu dalam STAMPS oleh pegawai kaunter, yang mana boleh disemak secara dalam talian pada bila-bila masa untuk rujukan dan pengesahan.



Faedah SPEDOS

- Rekod penghantar dokumen disimpan dengan lebih sistematik dalam STAMPS dan mudah dijejak bila-bila masa
- Senarai penghantar dokumen bagi setiap permohonan penyeteman dalam talian oleh ejen/firma guaman/syarikat dapat disemak secara dalam talian.
- Mencapai objektif LHDNM untuk mengurangkan kes-kes penipuan dan pemalsuan penyeteman serta pembayaran duti setem.
- Rekod yang disimpan boleh diguna pakai oleh mana-mana Jabatan LHDNM bagi tujuan semakan dan penyiasatan.



Syarat-syarat Pendaftaran Penghantar Dokumen

Ejen/Firma Guman/Syarikat mestilah berdaftar sebagai pengguna STAMPS

1. Pengguna STAMPS terdiri daripada beberapa kategori iaitu Perbankan, Insurans, Firma Guaman dan Ejen/Lain-lain.
2. Dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran penghantar dokumen adalah seperti berikut :
 - Gambar berukuran pasport *
 - Salinan Kad Pengenalan **
 - Surat Kuasa majikan **
 - Dokumen Tambahan (Jika ada) **

* Fail dalam format imej (PNG, JPEG/JPG, GIF, TIFF) sahaja diterima.

** Fail dalam format PDF dan imej (PNG, JPEG/JPG, GIF, TIFF) sahaja diterima.

4. Pengguna boleh mengemas kini maklumat penghantar dokumen, lampiran penghantar dokumen dan menukar status penghantar dokumen yang telah didaftarkan daripada aktif kepada tidak